

Noorul Ainur kongsi kepakaran bersama warga UMP

UTUSAN MALAYSIA (CALAM AKADEMIK) 30 NOV 2016 m/s 22

KUANTAN 29 Nov. - Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur menyampaikan syarahan dalam memperkasa inovasi dan kreativiti lebih 2,000 warga **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di Dewan Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang di sini semalam.

Beliau berkongsi pengalaman dalam dunia korporatnya dan semasa menjadi Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui syarahan bertajuk 'Memperkasa Pertumbuhan Melalui Inovasi dan Kreativiti'.

Majlis Syarahan Umum itu merupakan anjuran Jabatan Hal

Ehwal Akademik dan Antarabangsa dengan kerjasama Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat (JJIM) institusi pengajian tinggi (IPT) berkenaan.

Yang hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Dr Mashitah Mohd. Yusoff; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrrie Zainuddin dan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMP, Profesor Dr.

Zulkefli Yaacob.

Daing Nasir berkata, syarahan oleh Noorul Ainur memberi peluang kepada penuntut UMP mengetahui mengenai dunia sebenar pekerjaan melalui pandangan dan pengalaman tokoh berkenaan.

Katanya, baru-baru ini, Pertumbuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) menerbitkan Dasar Inovasi: Malaysia 2016 yang menyediakan penilaian menyeluruh dan komprehensif sistem inovasi negara-negara OECD.

"Dasar Inovasi berkenaan yang memberi tumpuan kepada peranan kerajaan dan cadangan

konkrit untuk meningkatkan prestasi inovasi dan dasar penyelidikan dan inovasi.

"Malaysia perlu merebut peluang mengukuhkan inovasi dan kemahiran. Kita perlu membina sistem inovasi yang berkesan dan boleh memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial dengan menggerakkan sumber pertumbuhan baharu untuk menjana produktiviti," katanya.

Turut diadakan pada majlis itu pameran penyelidikan dan inovasi yang dihasilkan penyelidik UMP bagi memperkaya inovasi serta kreativiti dalam bidang reka cipta untuk menghasilkan produk penyelidikan berimpak tinggi.



NOORUL AINUR MOHD. NUR (tengah) bergambar bersama warga UMP dalam Majlis Syarahan Umum di UMP, Kuantan, Pahang, semalam.